



JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

DOSM/BK/Sabah/4.2020/Siri11


# BULETIN KHAS NEGERI



"Sebanyak 46.6 % dari 168,182 individu yang bekerja sendiri hilang pekerjaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."  
- **Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin,**  
**Ketua Perangkawan Malaysia**

"Kerajaan Negeri akan melaksanakan 15 langkah yang telah dirangka dan dirangkumkan di bawah Pakej Bantuan Covid-19 Sabah berjumlah RM670 juta"- **YAB Ketua Menteri Sabah, 25Mac 2020**

Sabah merupakan enam negeri teratas penyumbang (6.2 peratus) kepada ekonomi nasional pada tahun 2018 dengan merekodkan nilai ditambah **RM85.0 bilion** (2017: RM83.7bilion). **Sektor Perkhidmatan dan Perlombongan & Pengkuarian** merupakan dua (2) sektor utama yang menyumbang 72.3 peratus kepada ekonomi Sabah. Kedua-dua sektor ini masing-masing menjana **RM37.4 bilion (44.0 peratus)** dan **RM24.0 bilion (28.3 peratus)** kepada nilai KDNK Sabah.



Nilai Ditambah dan Peratus Sumbangan Mengikut Sektor Sabah, 2018




Sepuluh Negara Teratas yang Melabur Dalam Projek Pembuatan di Sabah, 2016-2018

MIDA melaporkan nilai **pelaburan asing projek pembuatan** yang telah diluluskan di Sabah dalam tempoh 2016-2018 adalah **RM584.4 juta**. **Switzerland, Singapura, Brunei dan Jepun** merupakan empat (4) negara yang mendominasi pelaburan asing projek pembuatan di Sabah. Keempat-empat negara ini menyumbang **88.5%** kepada keseluruhan nilai pelaburan asing bagi projek pembuatan di Sabah.

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Sabah 2018

Penduduk : 3.9 Juta  
Kepadatan Penduduk : 53/km<sup>2</sup>



Kadar Kesuburan : 1.4  
Kadar Kelahiran Kasar : 13.6  
Kadar Kematian Kasar : 3.6

Bil. Hospital : 33 buah  
Bil. Klinik Kerajaan : 333 buah

Bil. Katil Hospital  
2016 - 4,984 katil  
2017 - 5,186 katil




Bil. Doktor  
2016 - 3,212 orang  
2017 - 3,756 orang

Bil. Jururawat  
2016 - 12,073 orang  
2017 - 12,659 orang

Sumber: MyLocal Stats Sabah, 2018

Jumlah **perdagangan** melalui pintu keluar dan masuk **Sabah** bagi bulan Februari 2020 bernilai **RM3.5 bilion** (Februari 2019: RM3.1 bilion). Nilai ini menyumbang **2.6 peratus** kepada keseluruhan nilai jumlah perdagangan Malaysia.

Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Sabah



	RM Juta		
	Eksport	Import	Jumlah Perdagangan
TELUK SEPANGGAR	11,493	4,747	16,240
W.P. LABUAN	7,974	3,197	11,171
LAHAD DATU	7,999	1,354	9,353
SANDAKAN	5,283	503	5,787
TAWAU	980	688	1,668
KOTA KINABALU	471	933	1,404
LAIN-LAIN	1,410	56	1,467
<b>SABAH</b>	<b>35,611</b>	<b>11,480</b>	<b>47,090</b>

Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Sabah, 2019

Pada tahun 2019, Sabah mencatatkan nilai eksport (melalui pintu keluar dan masuk) bernilai **RM35.6 bilion** manakala jumlah nilai import pula bernilai **RM11.5 bilion**. Pelabuhan di **Teluk Sepanggar** dan **Labuan** merupakan pintu keluar dan masuk utama bagi aktiviti import dan eksport di Sabah pada tahun 2019.

Sumber: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan (Februari 2020)





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

"Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata peruntukan di bawah Pakej Bantuan Covid-19 Sabah berkenaan membabitkan 358,031 orang penduduk Sabah termasuk yang tinggal di Semenanjung."

- MyMetro 22 April 2020

### Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Jenis Pelawat ke Sabah, 2017 Dan 2018

	2017	2018
<b>Jumlah ('000) Total</b>	<b>17,791.7</b>	<b>20,359.9</b>
<b>Pelawat harian Excursionist</b>	<b>13,351.0</b>	<b>15,232.8</b>
<b>Pelancong Taurist</b>	<b>4,440.7</b>	<b>5,127.1</b>

Sumber: MyLocal Stats Sabah, 2018

Tahun 2018 menunjukkan Sabah menerima 20.4 juta pelawat domestik. Daripada bilangan tersebut, 15.2 juta (74.8 peratus) merupakan pelawat harian dan 5.1 juta (25.2 peratus) adalah pelancong.

### Bilangan Penumpang yang Dikendalikan Mengikut Lapangan Terbang di Sabah, 2016-2018

Kategori	2016	2017	2018
Domestik	9,243,438	9,398,468	9,961,347
Antarabangsa	368,037	443,491	671,517
<b>Jumlah</b>	<b>9,611,475</b>	<b>9,841,959</b>	<b>10,622,742</b>

Sumber: MyLocal Stats Sabah, 2018

Kementerian Pengangkutan Malaysia melaporkan bahawa pada tahun 2018, bilangan penumpang yang dikendalikan lapangan terbang di Sabah telah meningkat kepada 10.6 juta berbanding 9.8 juta pada tahun 2017.


# BULETIN KHAS NEGERI



## Statistik Utama Tenaga Buruh, Sabah, 2017-2018

Tahun	Tenaga buruh ('000)	Penduduk bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	Kadar pengangguran (%)
2017	1,904	1,796	108	68.4	5.6
2018	1,938	1,826	112	68.2	5.8


Pada tahun 2018, **penduduk bekerja** di Sabah adalah 1.8 juta orang dengan **kadar penyertaan tenaga buruh** adalah **68.2 peratus** (Malaysia: 68.3 peratus). **Kadar pengangguran** pada tahun 2018 meningkat kepada **5.8 peratus** (Malaysia: 3.3 peratus) berbanding 5.6 peratus tahun 2017.



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2018

### Penduduk Bekerja Mengikut Industri 2018, Sabah

Industri **pertanian, perhutanan dan perikanan** mencatatkan bilangan penduduk bekerja paling ramai di Sabah iaitu **504.4 ribu pekerja (27.6 peratus)** diikuti dengan industri **perdagangan borong, dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, 358.9 ribu pekerja (19.7 peratus)**. Industri **pembuatan dan pembinaan masing-masing mencatatkan 161.6 ribu pekerja (8.9 peratus)** dan **151.2 ribu pekerja (8.3 peratus)** pada tahun yang sama. Keempat-empat industri ini merupakan aktiviti utama yang menjadi tumpuan **64.4 peratus** pekerja di Sabah.



Sumber: Population Quick Info

### Unjuran Penduduk Negeri Sabah, 2020 Mengikut Kumpulan Umur

Komposisi umur penduduk di Sabah boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan umur muda (0-14 tahun), kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih).

Unjuran tahun 2020 menunjukkan penduduk di Sabah dimonopoli oleh kumpulan umur bekerja iaitu 73.7 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk, diikuti kumpulan umur muda 22.0 peratus dan kumpulan umur tua 4.3 peratus.

2



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

## Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama, <sup>1</sup>Sabah & W.P Labuan, 2019 & 2020

KUMPULAN UTAMA	2019		2020
	Mac	Feb	Mac
<b>Jumlah</b>	<b>115.0</b>	<b>115.5</b>	<b>114.0</b>
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	123.0	123.9	123.4
Minuman Alkohol dan Tembakau	170.7	170.8	170.8
Pakaian dan Kasut	92.8	91.6	91.6
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	110.7	111.2	111.2
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	112.9	112.5	112.4
Kesihatan	126.8	128.2	128.3
Pengangkutan	110.1	109.4	99.7
Komunikasi	98.7	99.2	99.2
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	116.4	116.3	116.3
Pendidikan	113.2	113.6	113.6
Restoran dan Hotel	133.5	135.1	134.4
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	111.3	113.1	113.2

Sumber: IHP, Mac 2020

<sup>1</sup> Indeks bagi dua negeri ini digabungkan memandangkan sumbangan relatif yang kecil bagi negeri-negeri tersebut

Indeks Harga Pengguna (IHP) negeri Sabah & W.P Labuan menurun 0.9 peratus pada Mac 2020 kepada 114.0 berbanding 115.0 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP negeri Sabah bagi Mac 2020 menurun 1.3 peratus kepada 114.0 berbanding Februari 2020.

*"Mungkin ada peniaga yang tidak bertanggungjawab dan mengambil kesempatan menaikkan harga. Oleh itu, KPDNHEP akan melaksanakan Skim Harga Maksimum," - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 12 April 2020*

## Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Sabah, 2014 & 2016

	MALAYSIA		SABAH	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b> <i>Median</i>	4,585	5,228	3,745	4,110
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.6	"	4.7
<b>Purata (RM)</b> <i>Mean</i>	6,141	6,958	4,879	5,354
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.2	"	4.6

Sumber: HIS, 2016

## Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan, Malaysia dan Sabah, 2014 & 2016

	MALAYSIA		SABAH	
	2014	2016	2014	2016
<b>Pekali Gini</b> <i>Gini Coefficient</i>	0.401	0.399	0.387	0.402
<b>Insiden Kemiskinan</b> <i>Incidence of poverty</i>	0.6	0.4	4.0	2.9

Sumber: HIS, 2016

## Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah dan Purata Bagi Kumpulan Pendapatan Mengikut Pendapatan, Malaysia dan Sabah, 2016

	MALAYSIA		SABAH
	2014	2016	2016
<b>Penengah (RM)</b> <i>Median</i>			
<b>Terendah 40% -B40</b>		3,000	2,169
<b>Pertengahan 40% -M40</b>		6,275	4,843
<b>Tertinggi 20% -T20</b>		13,148	10,886
<b>Purata (RM)</b> <i>Mean</i>			
<b>Terendah 40% -B40</b>		2,848	2,135
<b>Pertengahan 40% -M40</b>		6,502	5,037
<b>Tertinggi 20% -T20</b>		16,088	12,429

Sumber: HIS, 2016

## Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Sabah, 2014 & 2016

	MALAYSIA		SABAH	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b> <i>Median</i>	2,946	3,314	1,964	2,109
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	5.9	"	3.6
<b>Purata (RM)</b> <i>Mean</i>	3,578	4,033	2,355	2,595
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.0	"	4.9

Sumber: HIS, 2016



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020




#LeaveNoOneBehind






## Statistik COVID-19 Negeri Sabah


### Bilangan Kes Baharu Harian COVID-19, Sabah




### Bilangan Kumulatif Kes COVID-19, Sabah



### Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri




### Peratusan Kes Pulih, Aktif dan Kematian Mengikut Negeri



### Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Daerah, Sabah



### Peratusan Kes Sabah Terhadap Malaysia



Nota : Dikemaskini sehingga 28 April 2020  
Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



## Impak Covid-19 di Sabah

### Perkhidmatan Kesihatan (Klinik Swasta)

Hasil daripada temuramah, terdapat klinik yang tidak beroperasi (tutup) semasa PKP. Secara puratanya, klinik mengalami penurunan pendapatan jika dibandingkan dengan sebelum pelaksanaan PKP seperti berikut:



- a) Keningau: **menurun 50%**
- b) Lahad Datu: **menurun 50% hingga 60%**
- c) Kota Marudu: **menurun 40% hingga 70%**
- d) Tawau: **menurun 40% hingga 60%**
- e) Sandakan: **menurun 50% hingga 70%**
- f) Kota Kinabalu: **menurun 40% hingga 70%**

### Pengusaha Hotel/ Hotel Bajet/ Rumah Tumpangan/ Chalet

Merujuk temuramah melalui telefon kepada 30 pengurusan hotel / hotel bajet / rumah tumpangan / chalet di seluruh negeri Sabah, semua fasiliti ini melaporkan tidak lagi menerima kunjungan/ pelanggan bermula dari tarikh PKP dikuatkuasakan iaitu 18 Mac 2020. Kesemua hotel tersebut telah terkesan dari awal bulan Mac iaitu kadar *occupancy* menurun dengan ketara berbanding bulan sebelumnya. Secara puratanya, **kadar *occupancy*** bagi setiap hotel adalah antara **40% hingga 60%** sahaja pada setengah bulan pertama Mac 2020.



### Industri Pelancongan

Impak Covid-19 mula dirasai seawal Februari 2020 apabila 117 penerbangan seminggu dari 15 bandar raya di China dan Taiwan terlibat dengan keputusan kerajaan negeri digantung sementara sehingga diberitahu kelak.

Berdasarkan tinjauan rambang kepada operator pelancongan, bagi segmen pelancongan pulau di Semporna, pengusaha secara purata menerima 50 orang pelancong sehari. Apabila kemasukan pelancong asing disekat berikutan PKP, pengusaha besar hilang pendapatan dengan anggaran **kerugian lebih RM80,000** untuk menampung kos sewa, pajakan, kenderaan dan gaji pekerja.

Bagi pengusaha kecil, tetap mengalami **kerugian iaitu antara RM7,000 hingga RM10,000 seminggu**. Pekerja juga mengalami penurunan pendapatan iaitu dengan potongan gaji sekurang-kurangnya 50% atau tiada gaji. Sebelum ini, pekerja-pekerja mampu meraih pendapatan RM4,000 – RM5,000 sebulan.

### Pengangkutan Darat

Sehingga 15 Januari 2020, terdapat 1,870 pengusaha teksi, 991 pengusaha lori dan 2,544 pengusaha bas yang berdaftar di Negeri Sabah. Dalam tempoh



PKP Fasa 2, perkhidmatan teksi dibenarkan untuk beroperasi dari jam 6.00 pagi – 8.00 malam. Bagi perkhidmatan lori, tiada sekatan perjalanan yang melibatkan pengangkutan *essential goods* seperti makanan, sayur-sayuran, buah-buahan, ikan dan berkaitan. Kesan PKP lebih dirasakan oleh operator lori yang menyediakan perkhidmatan selain sektor *essential goods*.

Sementara itu, perkhidmatan bas sama ada bas berhenti-henti dan bas mini dihentikan perkhidmatan mulai 22 Mac 2020. Begitu juga dengan perkhidmatan bas jarak jauh atau antara daerah turut dihentikan operasi. Ini menyebabkan semua operator bus tersebut tidak mempunyai pendapatan dalam tempoh penguatkuasaan PKP sehingga 14 April 2020.

Didapati bahawa 28% atau 710 pengusaha bas adalah merupakan operator bus sekolah. Operator bus sekolah tidak terjejas dengan PKP disebabkan bayaran tambang bus bagi bulan Mac telah dibayar penuh oleh ibu bapa walaupun cuti sekolah jatuh

pada bulan Mac 2020.

Manakala bagi tempoh PKP Fasa 2, terdapat pengusaha luar

bandar yang memberikan diskaun 20% bagi bulan April 2020.






## Impak Covid-19 di Sabah

### Perkhidmatan Sektor Borong

Kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa terdapat **peningkatan jualan** dalam tempoh seminggu sebelum PKP dilaksanakan bagi makanan **iaitu di antara 20% hingga 50%** dan **penurunan jualan 30% hingga 60%** barangan bukan makanan. Peningkatan jualan bagi makanan ini didorong oleh pembelian *panic* pengguna setelah pengumuman PKP terutamanya di kawasan Kota Kinabalu. Namun begitu, bila PKP dilaksanakan, nilai jualan **turun mendadak antara 20% hingga 50%**.



### Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor

Terdapat 1,148 syarikat yang berdaftar dan beroperasi di bawah aktiviti ini di Negeri Sabah. Pada PKP Fasa 1, syarikat dalam aktiviti ini tidak dibenarkan beroperasi. Walau bagaimanapun, setelah mengambikira keperluan semasa, Kerajaan Negeri Sabah telah membenarkan bengkel kereta dan kedai tayar kenderaan yang terpilih beroperasi secara berjadual sepanjang tempoh PKP Fasa 2. Bengkel dan kedai tayar yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya dibenarkan beroperasi dari jam 8.00 pagi – 2.00 petang pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat sahaja. Sejumlah 48 syarikat di seluruh Sabah diluluskan untuk beroperasi dalam tempoh ini secara berjadual. Merujuk kepada maklum balas berkenaan kesan PKP ke atas operasi bagi 23 daripada 48 syarikat yang dibenarkan beroperasi di daerah Kota Kinabalu, Putatan, Beaufort, Kota Belud, Tuaran, Keningau, Sandakan dan Lahad Datu yang telah dapat dihubungi, rata-rata memaklumkan **jualan turun antara 60% hingga 80%** dan sangat mengharapkan PKP ditamatkan atau kerajaan memberi bantuan kepada mereka. Ini disebabkan mereka masih membayar gaji pekerja tetap sama ada yang bergaji bulanan atau pun harian dan ada juga yang dibayar separuh gaji selain daripada tanggungan membayar sewa premis.



### Jualan Runcit (Farmasi dan Kedai Ubat)

Hasil daripada semakan, terdapat beberapa Farmasi dan Kedai Ubat yang tidak beroperasi (tutup) semasa PKP. Secara puratanya, semua Farmasi dan Kedai Ubat yang beroperasi mengalami penurunan pendapatan jika dibandingkan dengan sebelum pelaksanaan PKP seperti berikut:

- Kota Kinabalu **menurun 20% - 30%**
- Lahad Datu **menurun 40% - 50%**
- Kota Marudu **menurun 30% - 50%**
- Tawau **menurun 40% - 60%**
- Sandakan **menurun 30% - 50%**
- Keningau **menurun 50%**



### Perkhidmatan Penghantaran Barang (Pos & Kurier)

Kelewatan penghantaran barangan & surat telah berlaku, terutamanya bagi mod pengangkutan udara disebabkan pengurangan jumlah penerbangan dari/ke Sabah.

- Sebahagian pembekal perkhidmatan mengubah masa beroperasi.
- Secara purata pembekal perkhidmatan penghantaran melaporkan **penurunan pendapatan di antara 60% hingga 80%**.
- Dari segi jumlah pekerja yang bekerja, terdapat **pengurangan 60% hingga 80% pekerja**.
- Manakala dari sudut operasi penghantaran barang, pembekal perkhidmatan melaporkan **menurun di antara 50% hingga 70%**. Penurunan ini adalah disebabkan pengurangan perkhidmatan pengangkutan udara dan juga kemasukan barangan dari luar negara khususnya Negara China.
- Perkhidmatan penghantaran surat juga menunjukkan tren **penurunan di antara 55% hingga 75%**. Ini disumbangkan oleh penutupan sementara pejabat dan penguatkuasaan arahan PKP.





## Impak Covid-19 di Sabah

### Pengusaha Stesen Minyak

Kajian mendapati jualan stesen minyak **menurun di antara 50% hingga 70%** (mengikut lokasi) berbanding jualan sebelum berlakunya PKP. Purata penurunan mengikut kawasan adalah seperti berikut:

- a) Kota Kinabalu: **menurun 70%**
- b) Lahad Datu: **menurun 50%**
- c) Tawau: **menurun 60%**
- d) Kota Marudu: **menurun 50%**
- e) Keningau: **menurun 65%**
- f) Sandakan: **menurun 60%**



Senario ini dilaporkan sebelum Kerajaan Negeri Sabah menetapkan waktu beroperasi bagi stesen minyak dari jam 6.00 pagi sehingga 2.00 petang berbanding sehingga jam 8.00 malam sebelumnya. Perubahan ini dijangka akan mengakibatkan penurunan hasil yang lebih ketara kepada lebih 200 stesen minyak di Negeri Sabah.

### Perkhidmatan Makanan dan Minuman (Restoran)

Temubual terhadap 95 restoran mendapati hanya 6 restoran sahaja yang beroperasi sepanjang tempoh PKP. Purata jumlah jualan untuk restoran ini **menurun 61%** berbanding sebelum PKP dikuatkuasakan.



Kecenderungan pelanggan untuk masak di rumah menjadi faktor utama kepada penurunan hasil bagi restoran di seluruh negeri. Penurunan hasil ini juga disebabkan waktu beroperasi restoran yang dipendekkan kepada 6.00 pagi sehingga 6.00 petang berbanding waktu operasi sebelum ini iaitu antara 6.00 pagi hingga 11.00 malam (pengurangan 41.6% waktu beroperasi).

Dalam tempoh PKP, restoran ini hanya menyediakan perkhidmatan *take-away* dan *home-delivery* sahaja. Selain itu, bilangan pekerja berkurang 10% di mana pengurus yang mengambil alih bahagian kewangan untuk menjimatkan kos di samping membayar gaji secara harian kepada pekerja sepanjang tempoh PKP. Perkara ini memberi kesan langsung kepada 141,000 pekerja dalam aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman (Restoran) di seluruh Negeri Sabah.

### Pengusaha Penghantar Makanan

Terdapat lebih 500 pengusaha penghantar makanan yang beroperasi secara aktif di Negeri Sabah pada ketika ini. Khidmat ini merangkumi *operator Grab Food, Food Panda dan More Fun*.

Temuramah dengan 10 pengusaha penghantar makanan telah diadakan dan secara puratanya memaklumkan bahawa hasil komisen yang diperoleh **menurun 30% hingga 50%**. Sebelum ini, mereka boleh memperoleh RM60 ke RM100 sehari



daripada komisen penghantaran makanan sehari. Walau bagaimanapun di dalam tempoh PKP ini, pendapatan daripada komisen adalah antara RM30 ke RM50 sehari.

Ini adalah kerana tempoh beroperasi telah disingkatkan sehingga jam 5.00 petang sahaja berbanding sehingga jam 10.00 malam sebelumnya.

### Sub-Sektor Runcit

Bagi mendapatkan gambaran sub-sektor ini, 30 syarikat Runcit (meliputi Pasar Raya, Pasar Mini dan Kedai Runcit) telah dihubungi melalui telefon di seluruh Negeri Sabah. Secara keseluruhannya, terdapat



**peningkatan jualan** ketara terutamanya makanan di **antara 10% hingga 20%** khususnya bagi pasar raya, pasar mini dan gedung serbaguna dalam tempoh seminggu sebelum PKP dilaksanakan. Kenaikan ini dicatatkan di sekitar Kota Kinabalu, Kota Marudu dan Tawau. Namun begitu, jualan runcit di sekitar Lahad Datu mencatatkan **penurunan** antara **5% hingga 20%**. Sementara itu, jualan runcit di Stesen Minyak pula mengalami **penurunan** antara **5% hingga 20%** dalam tempoh seminggu sebelum PKP. Setelah penguatkuasaan PKP dilaksanakan, nilai jualan runcit **turun mendadak** antara **20% hingga 50%**. Nilai jualan bagi Kedai Runcit dan Pasar Mini **menurun 40% hingga 50%** manakala nilai jualan Gedung Serbaneka dan Pasar Raya **berkurang** antara **15% hingga 55%**. Jualan runcit petrol dan diesel terus mencatatkan **penurunan** antara **50% hingga 70%**.





## Impak Covid-19 di Sabah

### Perikanan

Beberapa persatuan nelayan telah dihubungi bagi mendapatkan input berkenaan senario tangkapan ikan dalam tempoh pelaksanaan PKP. Persatuan Nelayan memaklumkan bahawa nelayan tetap turun ke laut dalam tempoh PKP ini. Namun begitu, jumlah **pendaratan ikan merosot sehingga 30%** kerana bilangan nelayan yang turun ke laut berkurangan dan tempoh turun ke laut juga adalah minima. Keadaan ini amat membimbangkan kerana sekiranya ia berlarutan, dijangka harga ikan di pasar akan meningkat berikutan kekurangan penawaran.



### Pembuatan Kilang Minyak Sawit

Meskipun terdapat kelonggaran yang diberikan oleh kerajaan kepada sektor Perladangan dan Komoditi untuk terus beroperasi bagi memenuhi pasaran tempatan, Kerajaan Negeri Sabah telah mengarahkan penutupan operasi ladang sawit dan kilang kelapa sawit di tiga daerah iaitu Tawau, Lahad Datu dan Kinabatangan berikutan daripada terdapat pekerja ladang di daerah ini yang disahkan positif dengan CoVid-19. Terkini, kilang kelapa sawit di tiga (3) lagi daerah iaitu Kalabakan, Semporna dan Kunak turut diarahkan untuk menghentikan operasi berkuatkuasa mulai 1 April 2020.



Di Negeri sabah, terdapat 111 syarikat berdaftar yang aktif dalam Sektor Pembuatan Minyak Sawit Mentah pada masa kini. Dalam tempoh PKP ini, 92 syarikat pembuatan Minyak Sawit Mentah (main players) di seluruh negeri telah dihubungi. Daripada jumlah ini, hanya 29 syarikat (31.5%) yang menjalankan aktiviti semasa perintah kawalan pergerakan ini dilaksanakan.

Secara purata, semua syarikat ini menjangkakan **penurunan dari segi hasil pendapatan sehingga 70%** disebabkan kegagalan menjual stok sedia ada dan juga penurunan dalam kuantiti pengeluaran akibat daripada penutupan operasi kilang.

Kesan PKP ini amat dirasai dan memberi kesan kepada lebih 14,000 pekerja sektor Pembuatan Minyak Sawit Mentah di Negeri Sabah.

### Penanam/Pengusaha Sayur-Sayuran

Sepanjang tempoh PKP, petani masih boleh mengusahakan tanaman sayur-sayuran kerana ia merupakan aktiviti di bawah perusahaan makanan yang penting kepada penduduk Sabah. Terdapat juga kawasan-kawasan penanaman yang telah ditanam lebih awal dan hasil perlu dituai dalam masa PKP walaupun permintaan berkurangan secara drastik. Pada 12 April 2020, akhbar *New Straits Times* melaporkan petani sayur-sayuran di Kundasang



mengagihkan sayur-sayuran yang tidak dapat dijual secara percuma daripada membiarkannya rosak dan dibuang. Pengusaha kedai makan dan restoran turut mengurangkan pembelian sayur dalam tempoh PKP dengan **pengurangan yang melebihi 50%**.

Tinjauan ke atas penjaja runcit sayur di Pasar Papar, Putatan dan Kota Kinabalu mendapati mereka tidak mengurangkan kuantiti barang semasa PKP disebabkan jualan masih tidak berubah malahan bertambah walaupun tempoh operasi dipendekkan. Dalam tempoh PKP dijangkakan pengusaha secara kecil-kecilan yang menjual sendiri di Pasar Tamu amat terkesan memandangkan Pasar Tamu tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP. Terdapat pengusaha ini yang mengedarkan sayur-sayuran secara percuma atau menjual dari rumah bagi penduduk sekitar kampung/penempatan mereka sahaja. Ini menyebabkan hasil mereka **berkurangan melebihi 80%**.

### Pembuatan Kilang Baja

Pengusaha Kilang Baja di seluruh Negeri Sabah mengalami kesan yang besar terhadap penguatkuasaan PKP. Berdasarkan maklumat yang diperoleh, keseluruhan kilang tidak dapat beroperasi sepanjang tempoh PKP. Secara puratanya, pendapatan nilai jualan telah **menurun secara mendadak di antara 40% hingga 60%** berbanding dengan bulan sebelumnya.



Namun begitu, di sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP, pembayaran gaji masih lagi berjalan seperti biasa. Di samping itu, tiada pengurangan bilangan atau pemberhentian pekerja yang berlaku di sektor ini sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP.







JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



## Impak Covid-19 di Sabah

### Pembuatan Kilang Kayu/Papan/Perabot


Keseluruhan kilang telah terkesan sejak PKP dilaksanakan di mana semua kilang tidak beroperasi. Secara puratanya, pendapatan nilai jualan telah **menurun secara mendadak di antara 50% hingga 70%** berbanding dengan bulan sebelumnya. Namun begitu, pembayaran gaji kepada pekerja berjalan seperti biasa. Ini melibatkan 8,886 orang yang

bekerja di dalam sektor ini. Di samping itu, kilang juga tidak mengurang atau memberhentikan pekerja.



### Pembuatan Menjahit Pakaian

Pengusaha kedai jahit dianggarkan **kehilangan jualan antara RM6,000 hingga RM 18,000** iaitu bagi 100 ke 300 pasang dengan caj minimum RM60 sepasang untuk musim hari raya sahaja. Sekiranya pandemik ini reda sekalipun, kehilangan dari segi jualan tetap dirasai kerana tempoh persiapan hari raya semakin singkat dan tidak membolehkan pengusaha menyiapkan jahitan.



### Pembuatan Kilang Roti

Secara purata, hampir keseluruhan syarikat menjangkakan **penurunan dari segi hasil pendapatan sehingga 70%** disebabkan pemberhentian sementara operasi semasa PKP Fasa 1. Hanya segilintir syarikat yang menunjukkan peningkatan dari segi hasil pendapatan disebabkan permintaan yang tinggi dan terdapat syarikat yang telah meningkatkan kapasiti pengeluarannya bagi memenuhi permintaan yang tinggi dengan menambah bilangan syif bekerja daripada 1 kepada 3 syif.



### Pembuatan Percetakan

Sejumlah 93 syarikat telah dikenalpasti aktif dalam menjalankan industri pembuatan percetakan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan percetakan. Kesemua syarikat tersebut telah dihubungi melalui telefon dan hanya 10 syarikat iaitu 10.7% sahaja yang masih beroperasi ketika PKP dilaksanakan manakala syarikat yang lain tiada respon atau tutup sepenuhnya. Hasil daripada temuramah tersebut, **82% daripada purata jualan syarikat telah berkurang** berbanding sebelum PKP.

Selain itu, bilangan pekerja juga **berkurang 32%** berbanding dengan sebelum PKP dilaksanakan untuk menjimatkan kos yang perlu ditanggung oleh syarikat. Perkara ini memberi kesan kepada 861 pekerja yang berkerja dalam aktiviti percetakan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan percetakan dan seterusnya akan memberi kesan kepada ekonomi Sabah.



### Sektor Pembinaan

Merujuk kepada kajian kes semasa tempoh pelaksanaan PKP, 340 syarikat pembinaan telah dihubungi. D daripada jumlah tersebut, hanya 4% syarikat pembinaan yang menjalankan operasi iaitu hanya yang melibatkan aktiviti penyelenggaraan. Semua aktiviti pembinaan sama ada pembinaan kediaman, bukan kediaman dan kejuruteraan awam tidak beroperasi seperti perintah yang dikeluarkan oleh kerajaan. Namun demikian, pendapatan syarikat ini tidak terjejas melainkan hanya pelanjutan tempoh masa siap projek sahaja yang berlaku. Oleh kerana aktiviti pembinaan ini dihentikan sepanjang tempoh PKP, pendapatan lebih 151,000 pekerja terjejas dengan kebanyakan daripada mereka menerima upah secara harian.





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



### Berita Harian, 18 Mac 2020 (Rabu)

#### Sabah Senaraikan Perkhidmatan Awam yang Beroperasi

Rafiqah Dahali, bhnews@bh.com.my



KOTA KINABALU: Kerajaan negeri Sabah menyenaraikan beberapa perkhidmatan awam negeri yang boleh beroperasi bagi melicinkan pentadbiran negeri ini.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/666342/sabah-senaraikan-perkhidmatan-awam-yang-beroperasi>

### Sinar Harian, 21 Mac 2020 (Sabtu)

#### Sabah Keluar Beberapa Larangan Baharu Hari Ini

KOTA KINABALU - Sebagai langkah menangani penularan wabak Covid-19, kerajaan Sabah mengeluarkan beberapa larangan baharu hari ini termasuk arahan kuarantin selama 14 hari di pusat kuarantin bagi semua individu dari luar negara yang masuk secara terus ke negeri ini.

<https://www.sinarharian.com.my/article/74829/EDISI/Sabah-Sarawak/Sabah-keluar-beberapa-larangan-baharu-hari-ini>

### Berita Harian, 8 April 2020 (Rabu)

#### COVID-19: Bantuan Berjalan Lancar di Seluruh Sabah

Rafiqah Dahali, bhnews@bh.com.my



KOTA KINABALU: Seramai 63,092 individu seluruh Sabah, sudah menerima Bantuan Khas COVID-19 yang dibayar secara sekali bayar RM300 seorang, membabitkan agihan peruntukan berjumlah hampir RM19 juta.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, dalam kenyataannya semalam, berkata penerima terbabit adalah untuk kategori 'vulnerable' di seluruh negeri itu.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/674404/covid-19-bantuan-berjalan-lancar-di-seluruh-sabah>

### Sabah News Today, 12 April 2020 (Ahad)

#### Proses Penghantaran Sayuran Kundasang Semasa PKP Kini Lancar: Junz Wong

KUNDASANG: Penghantaran sayur-sayuran dan buah-buahan dari Kundasang ke pasaran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kini berjalan dengan lancar.

<https://www.sabahnewstoday.com/proses-penghantaran-sayuran-kundasang-semasa-pkp-kini-lancar-junz-wong/>

**Penafian:** Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

### Utusan Borneo, 18 Mac 2020 (Rabu)

#### Pakej Rangsangan Ekonomi Sabah Perlu Disegerakan

KOTA KINABALU: Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Sabah mencadangkan kepada kerajaan negeri Sabah agar melancarkan satu pakej rangsangan ekonomi, berikutan penularan wabak COVID-19 yang semakin serius kebelakangan ini.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/03/18/pakej-rangsangan-ekonomi-sabah-perlu-disegerakan>

### Utusan Borneo, 22 Mac 2020 (Ahad)

#### Bekalan Keperluan Harian Sentiasa Mencukupi



KOTA KINABALU: Bekalan barangan keperluan harian sentiasa mencukupi walaupun sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/03/22/bekalan-keperluan-harian-sentiasa-mencukupi>

### Sabah News Today, 11 April 2020 (Sabtu)

#### KPPK Sedia Bantu Sabah Pantau Syarikat Kelapa Sawit Beroperasi Semasa PKP

PUTRAJAYA, 11 April — Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) sedia membantu kerajaan negeri Sabah memantau pematuhan ladang dan kilang sawit terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran keputusan Sabah membenarkan ladang dan kilang sawit di negeri itu meneruskan operasi.

<https://www.sabahnewstoday.com/kppk-sedia-bantu-sabah-pantau-syarikat-kelapa-sawit-beroperasi-semasa-pkp/>

### Astro Awani, 19 April 2020 (Ahad)

#### COVID-19: Saringan Bersasar di Sabah, Orang Ramai Digesa Beri Kerjasama



KOTA KINABALU: Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) melaksanakan aktiviti saringan bersasar di lokaliti tertentu di negeri ini bagi mengesan kes-kes COVID-19 dalam kalangan masyarakat.

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-saringan-bersasar-di-sabah-orang-ramai-digesa-beri-kerjasama-239056>

### New Straits Time, 20 April 2020 (Isnin)

#### Sabah to Turn Likas Sports Complex into Makeshift Covid-19 Medical Facility

Olivia Miwil

KOTA KINABALU: Sabah will see Likas Sports Complex here turned a makeshift healthcare facility to treat Covid-19 patients.

<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/585880/sabah-turn-likas-sports-complex-makeshift-covid-19-medical-facility>

